



UUM JOURNAL OF LEGAL STUDIES

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/uumjls>

How to cite this article:

Ilham Mustapa, Hadenan Towpek, Rafeah Saidon & Mohd Syahiran Abdul Latif. (2026). Amalan undang-undang keterangan di Mahkamah Syariah Sarawak: Analisis kes-kes fasakh (2018-2023). (The practice of evidence laws in Sarawak Syariah Court: Analysis of fasakh cases (2018-2023)). *UUM Journal of Legal Studies*, 17(1), 164-184. <https://doi.org/10.32890/uumjls2026.17.1.10>

AMALAN UNDANG-UNDANG KETERANGAN DI MAHKAMAH SYARIAH SARAWAK: ANALISIS KES-KES FASAKH (2018-2023) (*The Practice of Evidence Laws in Sarawak Syariah Court: Analysis of Fasakh Cases (2018-2023)*)

¹Ilham Mustapa, Hadenan Towpek, Rafeah Saidon & Mohd Syahiran Abdul Latif
Academy of Contemporary Islamic Studies,
Universiti Teknologi MARA, Malaysia

¹Corresponding author: 2023260938@student.uitm.edu.my

Received: 22/9/2024

Revised: 9/9/2025

Accepted: 6/10/2025

Published: 31/1/2026

ABSTRAK

Artikel ini mengkaji amalan undang-undang keterangan di Mahkamah Syariah Sarawak dengan memberi tumpuan kepada analisis kes-kes fasakh dari tahun 2018 hingga 2023. Kajian ini menilai peranan hakim syariah dalam menangani isu-isu utama seperti penentuan fakta, beban pembuktian dan darjah pembuktian. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif, kajian ini menjalankan analisis kajian kes secara mendalam terhadap penghakiman fasakh terpilih di Mahkamah Syariah Sarawak. Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun penerapan undang-undang keterangan dalam kes-kes fasakh secara umumnya selaras dengan keperluan prosedur, terdapat beberapa aspek yang boleh dipertingkatkan bagi meningkatkan kecekapan dan keadilan dalam prosiding mahkamah. Isu seperti pengenalan fakta yang tepat dan penentuan merit undang-undang dikenal pasti sebagai aspek kritikal yang memerlukan perhatian lanjut. Selain itu, kajian ini menekankan keperluan pematuhan yang lebih baik terhadap Ordinan Keterangan Syariah 2001 serta penerapan prinsip beban dan standard pembuktian secara konsisten. Kajian ini merumuskan dengan cadangan untuk menambah baik amalan kehakiman, termasuk latihan yang dipertingkatkan untuk hakim syariah dan pendekatan yang lebih tersusun dalam pendidikan undang-undang berkaitan undang-undang keterangan. Artikel ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih luas terhadap amalan perundangan di mahkamah syariah serta menawarkan pandangan dalam memperhalusi proses kehakiman yang terlibat dalam kes-kes fasakh.

Kata Kunci: Mahkamah Syariah, kes fasakh, undang-undang keterangan, beban pembuktian, darjah pembuktian.

ABSTRACT

This article examines the practice of evidence law in Sarawak Syariah Courts, focusing on the analysis of fasakh cases from 2018 to 2023. This study evaluates the role of Syariah judges in handling key issues such as fact determination, the burden of proof, and the standard of proof. By utilising a qualitative approach, this research conducted an in-depth case study analysis of selected fasakh judgments in Sarawak's Syariah Courts. The findings reveal that while the application of evidence law in fasakh cases is generally consistent with procedural requirements, there are areas where improvements could enhance efficiency and fairness in court proceedings. Issues such as the proper identification of facts and the determination of legal merit were identified as critical areas needing further attention. Furthermore, this study highlights the need for better adherence to the Syariah Evidence Ordinance, 2001 and consistent application of burden and standard of proof principles. This study concludes with recommendations for improving judicial practices, including enhanced training for Syariah judges and a more structured approach to legal education in evidence law. This article contributes to the broader understanding of legal practices in Syariah courts and offers insights into refining the judicial processes involved in fasakh cases.

Keywords: *Syariah Courts, fasakh cases, evidence law, burden of proof, standard of proof.*

PENDAHULUAN

Keterangan merupakan aspek paling penting dalam prosiding sesuatu kes yang wajib dikuasai oleh pengamal undang-undang, khususnya hakim syarie dan peguam syarie. Kekhilafan yang berlaku sama ada secara sengaja atau kerana kejahilan dalam menyelesaikan pertikaian antara pihak di mahkamah akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak (al-'Azīmābādī, 2005). Peringatan ini direkodkan dalam sebuah hadis Rasulullah S.A.W yang bermaksud: "Para hakim terbahagi kepada tiga golongan. Satu golongan dimasukkan ke dalam syurga, manakala dua golongan lagi dimasukkan ke dalam neraka. Hakim yang dimasukkan ke dalam syurga ialah hakim yang mempunyai ilmu kehakiman lalu menghukum dengannya. Hakim yang mempunyai ilmu kehakiman tetapi memilih untuk zalim dalam menghukum, maka dia dimasukkan ke dalam neraka. Begitu juga hakim yang menghukum antara manusia dalam keadaan jahil" (Abū Dāwūd, 2009, Sunan Abī Dāwūd, no. 3573).

Kekhilafan hakim syarie dalam menentukan keterangan yang sesuai serta menepati syarak akan menyebabkan penyelesaian kes mengambil masa yang panjang (Raihanah Abdullah, 2009). Keadaan ini seterusnya menyebabkan pihak-pihak yang terlibat dalam kes di Mahkamah Syariah teraniaya kerana menanggung kos yang mahal (Zarina Abdullah, 2023).

Berhubung perkara tersebut, beberapa kajian telah dijalankan untuk menilai tahap kefahaman pengamal undang-undang terhadap peruntukan undang-undang semasa. Antaranya, Suhaizad (2021) mendapati sebahagian pengamal undang-undang yang terdiri daripada hakim syarie, pendakwa syarie, peguam syarie dan pegawai penyidik tidak memahami atau keliru terhadap peruntukan undang-undang keterangan. Oleh itu, penulisan berkaitan pemahaman undang-undang keterangan perlu diperbanyakkan, khususnya kajian terhadap amalan pengamal undang-undang di Mahkamah Syariah.

Kes fasakh merupakan kes mal yang memerlukan pemahaman mendalam, khususnya terhadap peruntukan undang-undang keterangan. Hal ini dikatakan demikian kerana, kes fasakh adalah antara kes yang banyak didaftarkan, dikelaskan sebagai kes kompleks dan biasanya melibatkan perbicaraan

yang panjang (Salleh Ismail, 2003). Selain itu, alasan-alasan fasakh yang diperuntukkan di bawah Seksyen 51 Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam 2001 (OUUKI 2001) perlu ditentukan terlebih dahulu sama ada mempunyai merit undang-undang sebelum diputuskan beban pembuktian (Lihat kes AAM lwn. MAB, Kes Mal MRSS, Kes 10005-014-229-2004, tidak dilaporkan). Setelah itu, pihak berkenaan perlu memastikan keterangan tersebut boleh diterima (*admissibility of evidence*) (Nik Nur Farahin, 2019), relevan (*relevancy*), boleh dipercayai (*reliability*) dan mempunyai nilai pembuktian (*probative value*) (Ramalinggam Rajamanickam et al., 2022). Aspek ini penting bagi membolehkan mahkamah menilai sama ada keterangan yang dikemukakan telah melepasi tiga darjah (*Standard of proof*) pembuktian iaitu yakin, *al-zann al-ghālib* dan *al-zann* (Ruzman Md. Noor, 2007).

Sehubungan itu, kajian ini akan menganalisis alasan penghakiman kes fasakh di Mahkamah Syariah Sarawak untuk meneliti amalan undang-undang keterangan yang menumpukan kepada penentuan fakta, beban pembuktian serta tahap pembuktian oleh hakim syarie.

OBJEKTIF

Objektif pertama kajian ini adalah untuk mengenal pasti amalan hakim syarie berkaitan alasan fasakh di bawah Seksyen 51 OUUKI 2001. Tujuan ini adalah untuk menilai sejauh mana hakim syarie mengaplikasikan peruntukan undang-undang keterangan dalam menentukan fakta yang dikemukakan oleh isteri bagi memfasakhkan perkahwinan dengan suaminya.

Seterusnya, objektif kajian kedua adalah untuk mengenal pasti amalan hakim syarie berkaitan penentuan beban pembuktian dalam prosiding kes fasakh. Setelah fakta yang tidak mempunyai merit undang-undang disisihkan serta fakta persoalan dikenal pasti, hakim syarie perlu menentukan pihak yang menanggung beban pembuktian terhadap isu atau fakta persoalan kes tersebut. Dengan cara ini, perbicaraan menjadi lebih berfokus dan dapat mengelakkan kemasukan fakta atau isu yang tidak relevan. Hal ini turut menjimatkan masa mahkamah dan mengelakkan perbicaraan yang berlarutan.

Akhir sekali, objektif kajian ketiga adalah mengenal pasti amalan hakim syarie berhubung penentuan darjah pembuktian dalam prosiding kes fasakh. Perbicaraan yang tidak menentukan darjah pembuktian sesuatu kes atau meletakkan darjah pembuktian terlalu tinggi daripada sepatutnya boleh menyebabkan kes tersebut lambat diselesaikan (Raihanah Abdullah, 1997).

Justeru, alasan penghakiman yang diberikan menentukan fakta persoalan atau isu yang dikemukakan oleh pihak-pihak. Seterusnya, alasan tersebut menetapkan pihak yang menanggung beban pembuktian serta darjah pembuktian yang diperlukan bagi membuktikan fakta tersebut sehingga dapat memuaskan hati pihak yang bertikai. Sekiranya terdapat pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan mahkamah, alasan penghakiman ini akan memudahkan proses rayuan dibuat.

METODOLOGI

Metodologi kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan strategi kajian kes. Melalui instrumen penelitian dokumen, pengkaji menganalisis alasan penghakiman kes fasakh menggunakan pendekatan analisis kandungan. Pemilihan kajian kes sebagai strategi dilakukan kerana kajian ini berfokus kepada kes tertentu, sekali gus memudahkan penjelasan sesuatu perkara yang dikaji (Cousin, 2005). Kajian kes ini bertujuan mengetahui amalan sebenar yang berlaku dengan lebih mendalam serta mengenal pasti

cadangan yang diperlukan untuk mengatasinya (Mohd Zaidi, 2019). Kajian ini hanya menumpukan kepada kes fasakh di Mahkamah Syariah Sarawak. Melalui instrumen penelitian dokumen, pengkaji menganalisis teks alasan penghakiman kes fasakh menggunakan analisis tematik.

Alasan penghakiman yang dipilih merangkumi kes fasakh tahun 2018 hingga 2023 seperti dalam Jadual 1. Pengkaji memilih 11 alasan penghakiman Mahkamah Rendah Syariah Sarawak (MRSS). Empat kes dilaporkan dalam Jurnal Mahkamah Syariah (JMS), manakala tujuh kes lain tidak dilaporkan.

Jadual 1

Alasan Penghakiman Kes Fasakh 2018-2023

Nama Kes	Status Pelaporan
Noor Azizan binti Bokhari lwn. Shahrul Rizaal bin Tajuddin	JMS, Edisi 1/2018, Jilid 1
Fatimah binti Ahmad lwn. Abdul Latif bin Muslim	JMS, Edisi 2019, Jilid 1
Nur Ala Amalina binti Ismail lwn. Mohamad Abid bin Mohamad	JMS, Edisi 2020, Jilid 1
Zalina binti Awi lwn. Amiruddin bin Yusof	JMS, Edisi 2020, Jilid 1
ZA lwn. HR, Kes Mal MRSS, Kes MYY-MRS-162-0260-05/2023	Tidak dilaporkan
TU@SAU lwn. MHSA, Kes Mal MRSS, Kes LMN-MRS-162-0107-06/2023	Tidak dilaporkan
NAH lwn. MHS@JAA, Kes Mal MRSS, Kes BTU-MRS-014-167-12/2020	Tidak dilaporkan
NHK lwn. NHA, Kes Mal MRSS, Kes SBW-MRS-162-0196-07/2023	Tidak dilaporkan
IW lwn. MFH, Kes Mal MRSS, Kes KCH-MRS-162-1129-07/2022	Tidak dilaporkan
FSZ lwn. MAR, Kes Mal MRSS, Kes 13005-014-0054-2019	Tidak dilaporkan
SK lwn. MHM, Kes Mal MRSS, Kes 13005-014-0013-2019	Tidak dilaporkan

Sumber: JMS dan fail kes Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak.

LATAR BELAKANG

Kajian ini berlatar belakang undang-undang keterangan dan peruntukan fasakh di Mahkamah Syariah Sarawak serta arahan amalan yang berkaitan dengan kedua-dua undang-undang tersebut.

Latar Belakang Undang-Undang Keterangan dan Peruntukan Fasakh

Undang-undang bertulis yang melibatkan orang Islam di Sarawak telah digubal pada tahun 1860 dan dinamakan “Perintah”. Undang-undang ini memperuntukkan hukum berkaitan adat serta keadaan tempatan (Wan Kamal Mujani & Noranizah Yusuf, 2010). Seterusnya, pada tahun 1870, *Native Mohammedan Probate And Divorce Court* bersama jawatan Datu Hakim telah diwujudkan untuk mengendalikan undang-undang berkaitan isu kekeluargaan Islam seperti perkahwinan, perceraian, pembahagian atau pewarisan harta dan sebagainya (Abdul Razak et al., 2023). Pada masa tersebut, tiada undang-undang bertulis yang memperuntukkan fasakh dan undang-undang keterangan. Kadi-kadi ketika itu, sebagaimana para ulama terdahulu di Sarawak yang bermazhab Syafie (Najihah & Ismar Liza Mahani, 2020), merujuk kepada syarak melalui prinsip taqlid terhadap pandangan qawl mu‘tamad mazhab Syafie (Ahmad Hidayat et al., 2021).

Hasil perbincangan para datu, satu rang undang-undang bernama Undang-Undang Mahkamah Melayu Sarawak (UUMMS) telah dicadangkan pada tahun 1910 dan diwartakan pada tahun 1915 (Suffian Mansor & Awang Azman, 2019). UUMMS dipinda pada tahun 1956 dan kali terakhir pada tahun 1985, lalu dinamakan Undang-Undang Mahkamah Syariah Sarawak Order, 1985 (UUMSSO, 1985) (Abdul Razak et al., 2023).

Peruntukan fasakh serta tatacara dan kaedah pensabitannya dinyatakan dalam UUMSSO 1985, iaitu pada Fasal 46 Bahagian I dan Fasal 10 Bahagian III. Fasal 46 Bahagian I memperuntukkan bahawa tuntutan fasakh boleh dibuat sama ada oleh suami atau isteri, namun terhad kepada alasan fasakh kerana berlaku "*Aib Syarie*" terhadap salah seorang pasangan. "*Aib Syarie*" ditafsirkan pada Bahagian I UUMSSO 1985 sebagai "*ertinya Aib yang diiktibar pada Syarak membolehkan seseorang itu difasakh nikahnya*". Sementara itu, Fasal 10 Bahagian III memperuntukkan tuntutan fasakh oleh isteri terhadap suami. Fasal ini menetapkan alasan fasakh yang lebih luas kerana membolehkan isteri menuntut fasakh dengan semua alasan yang diiktiraf oleh hukum syarak. Selain itu, Fasal 10 Bahagian III juga memperuntukkan tatacara atau prosedur mengurus penyampaian notis sebelum perbicaraan dijalankan. Pada fasal ini turut dinyatakan peruntukan mengenai keterangan dalam pensabitan tuntutan fasakh, iaitu sekurang-kurangnya berdasarkan keterangan bersumpah dua orang saksi. Jelaslah bahawa peruntukan fasakh dalam UUMSSO 1985 tidak menetapkan sebab tertentu bagi membolehkan isteri menuntut fasakh, sebaliknya diserahkan kepada kebijaksanaan hakim untuk menentukannya dengan syarat memenuhi kehendak hukum syarak.

Seterusnya, Mahkamah Syariah Sarawak ditubuhkan untuk menggantikan Mahkamah Melayu Sarawak selepas Ordinan Majlis Islam No. 8 Tahun 1978 diluluskan dan dipersetujui oleh Yang di-Pertua Negeri Sarawak pada 15 Disember 1978. Pindaan ordinan tersebut menambah peruntukan berkaitan dengan penubuhan mahkamah Syariah. Ordinan itu, melalui Seksyen 41(1-2) dan 42, memperuntukkan tiga hierarki mahkamah, iaitu Mahkamah Kadi, Mahkamah Kadi Besar dan Mahkamah Ulang Bicara. Pada masa tersebut, pentadbiran Mahkamah Syariah Sarawak masih berada di bawah Majlis Islam Sarawak (Awang Suhaili & Athirah, 2023).

Pentadbiran Mahkamah Syariah Sarawak telah dipisahkan daripada Majlis Islam Sarawak pada 2 Oktober 1990 dengan penubuhan Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak. Pada 14 Mei 1991, Kerajaan Negeri Sarawak telah meluluskan enam rang undang-undang yang menjadikan Sarawak negeri pertama di Malaysia memiliki Undang-Undang Syariah yang lengkap, termasuk Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam 1991 (OUUKI, 1991) dan Ordinan Keterangan Syariah 1991 (OKS, 1991). Ordinan-ordinan tersebut mula diwartakan pelaksanaannya pada 1 September 1992. Berdasarkan Seksyen 5 Ordinan Mahkamah Syariah 1991, telah diperuntukkan penubuhan Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah. Ordinan-ordinan 1991 ini kemudian dipinda pada 27 Disember 2001 dan dikenali sebagai Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam 2001 serta Ordinan Keterangan Syariah 2001 (OKS, 2001), yang dikuatkuasakan mulai 1 Disember 2004 hingga kini (Awang Suhaili & Athirah, 2023).

Persamaan dan Perbezaan antara OUUMSSO, 1985, OKS, 1991 dan OKS, 2001

Secara umumnya, tidak terdapat perbezaan ketara antara OKS 1991 dan OKS 2001. Perbezaan hanya melibatkan penyusunan bab dan bahagian serta pindaan istilah pada beberapa tempat. Contohnya, pindaan istilah "*nyataan yang menjadi soal*" di bawah Seksyen 3 OKS 1991 telah digantikan dengan "*fakta persoalan*" di bawah Seksyen 3(1) OKS 2001. Perbezaan yang lebih ketara dapat dilihat pada tafsiran hukum syarak dalam Seksyen 3 OKS 1991. Seksyen tersebut mentafsirkan "*Hukum Syarak*"

sebagai “ertinya Undang-Undang Islam dalam mana-mana mazhab yang sah.” Sementara itu, Seksyen 3(1) OKS 2001 meminda tafsiran tersebut kepada “Undang-undang Islam” yang bermaksud “ertinya Undang-undang Islam mengikut mazhab Syafie atau mengikut mana-mana satu mazhab Maliki, Hanbali atau Hanafi sebagaimana yang diputuskan oleh Majlis”.

Persamaan dan Perbezaan antara OUUMSSO, 1985, OUUKI, 1991 dan OUUKI, 2001

Berkenaan peruntukan fasakh dalam OUUMSSO 1985, OUUKI 1991 dan OUUKI 2001, terdapat beberapa persamaan dan perbezaan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Persamaan tersebut merujuk kepada peruntukan yang membenarkan alasan fasakh tidak dinyatakan secara khusus dalam ordinan berkenaan, selagi alasan fasakh tersebut memenuhi kehendak “Hukum Syarak” atau “Undang-Undang Islam”.

Persamaan lain antara OUUKI 1991 dan OUUKI 2001 terdapat pada peruntukan Seksyen 51(1)(b), 51(1)(e) dan 51(1)(g). Bagi Seksyen 51(1)(a), 51(1)(c), 51(1)(d), 51(1)(f) dan 51(1)(h), perbezaannya hanyalah penambahan frasa “atau isteri” selepas perkataan “suami”, penambahan perkataan “lelaki” selepas “perempuan-perempuan”, serta pindaan frasa “Hukum Syarak” kepada “Undang-Undang Islam”. Sementara itu, OUUMSSO 1985 tidak mempunyai peruntukan khusus berkaitan alasan-alasan fasakh di atas kecuali *aib syarie* sahaja pada Fasal 46 Bahagian I. Alasan fasakh kerana suami ghaib dan suami dipenjarakan pula diperuntukkan masing-masing di bawah Fasal 8 dan 9 Bahagian III sebagai talak satu *bain*.

Perbezaan pada ordinan-ordinan tersebut adalah daripada sudut penafsiran “Hukum Syarak” atau “Undang-Undang Islam”. OUUMSSO 1985 dalam peruntukan tafsiran Bahagian I tidak memberikan takrifan terhadap hukum syarak. Sebaliknya, OUUKI 1991 pada Seksyen 3 mentafsirkan “Hukum Syarak” sebagai “Undang-undang Islam dalam mana-mana mazhab yang sah”. Seterusnya, OUUKI 2001 pada Seksyen 2(1) telah meminda istilah “Hukum Syarak” kepada “Undang-undang Islam” yang ditakrifkan sebagai “ertinya Undang-undang Islam mengikut mazhab Syafie atau mengikut mana-mana satu mazhab Maliki, Hanbali atau Hanafi sebagaimana diputuskan oleh Majlis”.

Jadual 2

Persamaan dan Perbezaan Peruntukan Fasakh antara OUUMSSO, 1985, OUUKI, 1991 dan OUUKI, 2001

OUUKI, 1991	OUUMSSO, 1985	OUUKI, 2001
Seksyen 51(1)(a) OUUKI, 2001	Sebagai cerai dengan talak satu <i>bain</i> di bawah fasal 8 Bahagian III	Selepas “suami” Ditambah perkataan “atau isteri”
Seksyen 51(1) (b) OUUKI, 2001	Tiada peruntukan khusus	Sama seperti OUUKI, 1991
Seksyen 51(1) (c) OUUKI, 2001	Sebagai cerai dengan talak satu <i>bain</i> di bawah fasal 9 Bahagian III	Selepas “suami” Ditambah perkataan “atau isteri”
Seksyen 51(1) (d) OUUKI, 2001	Tiada peruntukan khusus	Selepas “suami” Ditambah perkataan “atau isteri”
Seksyen 51(1) (e) OUUKI, 2001	Hanya dinyatakan sebagai Aib Syarie di bawah Fasal 46 Bahagian I	Sama seperti OUUKI, 1991
Seksyen 51(1) (f) OUUKI, 2001	Hanya dinyatakan sebagai Aib Syarie di bawah Fasal 46 Bahagian I	Selepas “suami” Ditambah perkataan “atau isteri”

(sambungan)

OUUKI, 1991	OUUMSSO, 1985	OUUKI, 2001
Seksyen 51(1) (g) OUUKI, 2001	Tiada peruntukan khusus	Sama seperti OUUKI, 1991 - Selepas “suami” Ditambah perkataan “atau isteri”
Seksyen 51(1) (h) OUUKI, 2001	Sebagai cerai dengan talak satu bain di bawah fasal 7(1) Bahagian III	- selepas ”perempuan-perempuan” ditambah perkataan ”lelaki” - “Hukum Syarak” dipinda kepada “Undang-Undang Islam”
Seksyen 51(1) (i) OUUKI, 2001	Tiada peruntukan khusus	Sama seperti OUUKI, 1991
Seksyen 51(1) (j) OUUKI, 2001	Tiada peruntukan khusus	“Hukum Syarak” dipinda kepada “Undang-Undang Islam”
Seksyen 51(1) (k) OUUKI, 2001	Tiada peruntukan khusus	“otak” dipinda kepada “mental” Dipinda ke Seksyen 51(2) “Mana-mana orang yang berkahwin mengikut Undang-Undang Islam adalah berhak mendapatkan perintah bagi pembubaran perkahwinan atau fasakh atas alasan bahawa isteri menjadi tak upaya yang menghalang persetubuhan.”
Seksyen 51(1) (l) OUUKI, 2001	Hanya dinyatakan sebagai Aib Syarie di bawah Fasal 46 Bahagian I	
Seksyen 51(1)(m) OUUKI, 2001	Tiada peruntukan khusus	“Hukum Syarak” dipinda kepada “Undang-Undang Islam”
Seksyen 2(1) OUUKI, 2001 “Hukum Syarak” ertinya undang-undang Islam dalam mana-mana mazhab yang sah	Tiada penafsiran “Hukum Syarak”	“Undang-Undang Islam” ertinya Undang-Undang Islam mengikut Mazhab Syafie atau mengikut mana-mana satu Mazhab Maliki, Hanbali atau Hanafi sebagaimana yang diputuskan oleh Majlis”

Sumber. OUUMSS, 1985, OUUTKI, 1991 dan OUUKI, 2001.

Arahan Amalan

Peruntukan undang-undang lazimnya bersifat umum dan adakalanya kurang jelas. Untuk memperincikannya, Mahkamah Syariah Sarawak telah mengeluarkan Arahan Amalan Ketua Hakim Syarie Sarawak (AAKHSS) sejak tahun 2000 sebagai usaha menyeragamkan pentadbiran serta kehakiman. Walaupun tidak mempunyai status undang-undang, arahan tersebut tetap perlu dipatuhi oleh pengamal undang-undang (Zubaidi & Ahmad Hidayat, 2021).

AAKHSS yang berkaitan dengan amalan undang-undang keterangan dalam kes fasakh dan masih berkuat kuasa sehingga kini ialah AAKHSS No. 6 Tahun 2001 - Alasan Penghakiman, AAKHSS No. 9 Tahun 2001 - Pemakaian Pendapat Mazhab Fiqh, AAKHSS No. 1 Tahun 2003 - Penggunaan Lafaz Sumpah Istizhar dalam Kes Mal, AAKHSS No. 2 Tahun 2006 - Amalan Sumpah, AAKHSS No. 15 Tahun 2006 - Cara Mengambil Keterangan dalam Perbicaraan Penuh, serta AAKHSS No. 1 Tahun 2021 - Garis Panduan Penulisan Teks Penghakiman.

KONSEP KETERANGAN DALAM KES FASAKH

Keterangan menurut Kamus Undang-undang Bahasa Inggeris-Bahasa Melayu (1995) bertujuan membuktikan wujud atau tidak wujud sesuatu fakta. Keterangan tersebut mungkin terdiri daripada testimoni, keterangan dokumentari, keterangan nyata (*real evidence*) dan, sekiranya boleh diterima, keterangan dengar cakap. Undang-undang keterangan merangkumi semua syarat berkaitan pemberian fakta dan bukti dalam prosiding mahkamah, termasuk dalam keadaan tertentu, syarat-syarat penerimaan keterangan serta syarat-syarat penyingkiran.

Menurut syarak, keterangan disebut sebagai *al-bayyinah* (al-Zuhaylī, 2005). Dari segi bahasa, *al-bayyinah* berasal daripada perkataan Arab ba-ya-na yang bermaksud terang, jelas dan nyata (Muhammad Idris, t.t). Selain itu, perkataan ini juga membawa maksud dalil atau hujah (Ibn Farios, 1969). Oleh itu, dapat dikatakan bahawa penggunaan *al-bayyinah* dalam sudut bahasa merujuk kepada sesuatu yang dapat menjelaskan atau menerangkan sesuatu perkara, hak atau kepentingan.

Terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan fuqaha tentang maksud *al-bayyinah*. Pandangan pertama menyatakan bahawa *al-bayyinah* bermaksud kesaksian (*al-Syahadah*), dan pendapat ini disokong oleh jumhur fuqaha (al-Sharbīnī, 1997). Pandangan kedua dikemukakan oleh Ibn Hazmi yang berpendapat bahawa selain bermaksud kesaksian, *al-bayyinah* juga merangkumi pengetahuan hakim (علم القاضي) (Ibnu Hazmi, 1932). Pandangan ketiga pula dikemukakan oleh Ibnu Qayyim (1995) yang menyatakan bahawa *al-bayyinah* ialah sebarang bentuk keterangan yang dapat menjelaskan serta menzahirkan kebenaran. Pendapat ketiga ini menyamakan *al-bayyinah* dengan keterangan (*evidence*) dan selari dengan konsep keterangan di bawah Seksyen 3 OKS, 2001 yang tidak mengehadkan bayyinah kepada keterangan saksi sahaja, bahkan boleh dibuktikan melalui empat jenis keterangan iaitu *bayyinah*, *syahadah*, keterangan lisan dan keterangan dokumentar (Ruzman, 2007).

Fasakh menurut bahasa bererti batal (*naqada*) atau bubar (*faraqqa*) (Ibn Manzur, 1994). Apabila perkataan fasakh disandarkan kepada nikah, perkataan tersebut membawa maksud membatalkan atau membubarkan pernikahan disebabkan oleh faktor tertentu yang menghalang kekalnya perkahwinan tersebut (Abdul Wahab, 1990). Hal ini selari dengan Seksyen 3 OUUKI 2001 yang mentafsirkan fasakh seperti berikut: "Fasakh" ertinya pembubaran nikah disebabkan oleh sesuatu hal keadaan yang diharuskan oleh Undang-Undang Islam mengikut Seksyen 51."

Pembuktian dalam kes fasakh sama seperti kes mal yang lain. Namun, pembuktian kes fasakh banyak bergantung pada peruntukan dalam OKS 2001 kerana alasan fasakh yang dinyatakan di bawah Seksyen 51 OUUKI 2001 mempunyai beban dan darjah pembuktian yang berbeza-beza (lihat kes *AAM lwn. MAB*, Kes Mal MRSS, Kes 10005-014-229-2004, tidak dilaporkan).

OKS 2001 merupakan adaptasi daripada Akta Keterangan 1950 (Suhaizad et al., 2019). Menurut Sir James Fitzjames Stephen, undang-undang keterangan bertujuan menentukan fakta yang boleh dikemukakan di mahkamah, menjelaskan jenis keterangan yang boleh digunakan untuk membuktikan kewujudan sesuatu fakta serta menetapkan pihak yang mengemukakan keterangan dan cara keterangan itu dikemukakan dalam proses pembuktian (Stephen, 1936). Oleh itu, perkara yang perlu diberi perhatian oleh hakim syarie ketika membicarakan kes fasakh ialah penentuan fakta, beban pembuktian dan darjah pembuktian. Fakta yang dikemukakan oleh pihak sama ada berbentuk substantif atau prosedural hendaklah mempunyai merit undang-undang (Mohd Badrol Awang, 2022) dan relevan (Mohd Sabree & Ruzman, 2022). Selain itu, hakim syarie perlu menetapkan beban pembuktian bagi membuktikan fakta yang menjadi persoalan atau isu (Suhaizad, 2021) serta menentukan darjah atau standard yang diperlukan untuk membuktikannya (Ruzman, 2007).

Penentuan Fakta

Kajian ini menumpukan kepada penentuan fakta berkaitan alasan fasakh yang dikemukakan oleh pihak isteri. Perbincangan fuqaha mengenai alasan fasakh dalam hukum syarak menunjukkan wujud persamaan dengan peruntukan statutori di bawah Seksyen 51 OUUKI 2001. Ordinan ini dengan jelas mengkodifikasikan beberapa alasan fasakh yang telah lama dibahaskan dalam tradisi fiqh, sekali gus membuktikan bahawa amalan perundangan syariah di Sarawak berlandaskan prinsip yang digariskan oleh mazhab utama.

Alasan fasakh dalam hukum syarak yang dibincangkan oleh fuqaha mempunyai kesepadanan dengan peruntukan statutori dalam Seksyen 51 OUUK 2001. Pertama, alasan kehilangan suami (*ghā'ib*) yang diiktiraf oleh Maliki dan Hanbali (Mohd Saleh Ahmad, 2012) sepadan dengan Seksyen 51(1)(a), iaitu fasakh dibenarkan sekiranya pasangan tidak diketahui keberadaannya selama tempoh satu tahun. Kedua, alasan kegagalan menyediakan nafkah yang diiktiraf oleh jumhur (Maliki, Syafie, Hanbali) tetapi ditolak oleh Hanafi (Ibn 'Abidīn, 1966; al-Dimyātī, 1997; Ibn Qudāmah, 1997; Nurhidayah & Zuliza, 2023) digubal dalam Seksyen 51(1)(b), iaitu fasakh dibenarkan apabila suami cuai memberi nafkah selama tiga bulan, serta Seksyen 51(1)(d) berkaitan nafkah batin.

Ketiga, alasan pemenjaraan suami yang dibenarkan oleh mazhab Maliki tetapi ditolak oleh mazhab lain (Mohd Saleh Ahmad, 2012) dinyatakan dalam Seksyen 51(1)(c). Peruntukan ini membolehkan fasakh jika pasangan dipenjara selama tiga tahun atau lebih serta telah menjalani hukuman sekurang-kurangnya satu tahun. Keempat, alasan mati pucuk atau kelemahan seksual yang dihuraikan oleh fuqaha di bawah kategori kecacatan (Ibn 'Abd al-Salām, 2016; Mohd Saleh Ahmad, 2012) dimasukkan secara jelas dalam Seksyen 51(1)(e). Selain itu, Seksyen 51(2) turut menambah keadaan apabila isteri tidak berupaya melakukan persetubuhan. Kelima, alasan penyakit gila, kusta, sopak atau penyakit menjijikkan yang diiktiraf oleh jumhur (Ibn 'Abd al-Salām, 2016) terkandung dalam Seksyen 51(1)(f), dengan perluasan kepada AIDS dan penyakit kelamin berjangkit.

Keenam, isu perkahwinan bawah umur yang dibahaskan oleh fuqaha bersama konsep *khiyār al-bulūgh* (al-Zuhaylī, 2005; al-'Aynī, 2000) dijelaskan dalam Seksyen 51(1)(g). Peruntukan ini membenarkan isteri menolak perkahwinan wali mujbir sebelum mencapai umur 18 tahun sekiranya belum disetubuhi. Ketujuh, penganiayaan (*ḍarar*) yang diiktiraf oleh mazhab Maliki dan Hanbali tetapi ditolak oleh mazhab Hanafi dan Syafie (Sha'bān, 1993; Mohd Saleh Ahmad, 2012) dihuraikan secara terperinci dalam Seksyen 51(1)(h)(i–vi). Huraian tersebut meliputi penderaan fizikal, kelakuan keji, pemaksaan hidup lucah, pelupusan harta, sekatan amalan agama serta kegagalan berlaku adil dalam poligami.

Kelapan, isu enggan menyetubuhi yang dibincangkan oleh fuqaha (Md Zawawi & Wan Ab. Rahman, 2008; al-Zuhaylī, 2005) dinyatakan dalam Seksyen 51(1)(i), iaitu fasakh diperuntukkan jika suami dengan sengaja tidak menyetubuhi isterinya selama empat bulan. Kesembilan, alasan tiada atau tidak sah izin perkahwinan (al-Sharbīnī, 1997; al-Zuhaylī, 2005) digubal dalam Seksyen 51(1)(j), manakala Seksyen 51(1)(k) pula menambah keadaan apabila isteri mengalami penyakit mental yang menghalang sahnya akad. Kesepuluh, alasan *ilā'* yang disepakati fuqaha (al-Bujayramī, 1995; Salleh Ismail, 2003; al-Jazīrī, 2003) juga selari dengan semangat Seksyen 51(1)(i) yang mengaitkan keengganan jimak dengan tempoh empat bulan.

Akhir sekali, isu *syiqāq* turut dibincangkan oleh fuqaha, tetapi tidak diperuntukkan secara khusus dalam Seksyen 51 OUUKI 2001. Menurut mazhab Maliki, *syiqāq* boleh dijadikan alasan fasakh (Mohd Saleh Ahmad, 2012; al-Sharbīnī, 2004; Bin Sumit, 2008; al-Baghdādī, 2023). Perkara ini menimbulkan

persoalan sama ada alasan yang tidak dinyatakan dengan jelas dalam Seksyen tersebut masih boleh dijadikan asas tuntutan.

Hal ini perlu dirujuk kepada Seksyen 51(1)(l) OUUKI 2001 yang memperuntukkan bahawa fasakh boleh dipohon atas “apa-apa alasan lain yang diiktiraf sebagai sah untuk membubarkan perkahwinan atau bagi fasakh menurut Undang-Undang Islam.” Peruntukan ini seterusnya perlu dibaca bersama Seksyen 2(1) Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001 yang mentafsirkan “Undang-Undang Islam” sebagai Undang-Undang Islam mengikut Mazhab Syafie atau mengikut mana-mana satu mazhab Maliki, Hanbali atau Hanafi sebagaimana ditetapkan oleh Majlis.

Pandangan praktikal pengamal undang-undang melalui temu bual dengan Mohd. Sufi bin Mohd. Rani (Peguam Syarie, Jabatan Bantuan Guaman, *personal communication*, 31 Mei 2025), Haji Adlan bin Abang (Peguam Syarie, *personal communication*, 22 Mei 2025) dan Harizan binti Hamzah (Peguam Syarie, *personal communication*, 2 Mei 2025) menunjukkan bahawa kedua-dua peruntukan tersebut difahami secara tersirat sebagai alasan fasakh yang hanya boleh diterima sekiranya diperuntukkan dengan jelas dalam Seksyen 51(1)(a)–(k) atau diiktiraf oleh Mazhab Syafie, kecuali dengan kebenaran Majlis Islam Sarawak. Menurut Mohd. Sufi dan Harizan, frasa “sebagaimana ditetapkan oleh Majlis” wajar digugurkan supaya hakim mempunyai kebebasan penuh untuk memutuskan berdasarkan hukum syarak tanpa terikat sepenuhnya kepada Mazhab Syafie.

AAKHSS No. 9 Tahun 2001 turut memperkukuh kedudukan ini dengan menegaskan bahawa pendapat mazhab perlu dipakai berpandukan dasar yang ditetapkan oleh Yang di-Pertua Negeri Sarawak untuk tujuan penyeragaman (Mohd. Nadzri, 2020; Wan Azimin et al., 2022). Sehubungan itu, mahkamah sewajarnya menolak tuntutan yang tidak memenuhi kehendak undang-undang pada peringkat awal bagi mengelakkan pembaziran masa serta sumber mahkamah.

Menurut AAKHSS No. 2 Tahun 2014 dan AAKHSS No. 1 Tahun 2021, struktur subtajuk alasan penghakiman hendaklah merangkumi “Fakta Kes”, “Isu Kes” serta “Keputusan”. Alasan penghakiman perlu menyatakan sebab isteri menuntut fasakh di bawah subtajuk “Fakta Kes”. Jika alasan tersebut dipertikaikan, perkara itu perlu dihuraikan dalam “Isu Kes” dengan menjelaskan alasan sabitan atau penolakan sabitan. Seterusnya, keputusan mengenai sabitan atau penolakannya hendaklah dinyatakan dalam “Keputusan” (AAKHSS No. 2 Tahun 2014 - Garis Panduan Penulisan Teks Penghakiman & AAKHSS No. 1 Tahun 2021 - Garis Panduan Penulisan Teks Penghakiman).

Beban Pembuktian

Menurut *Legal Dictionary*, beban pembuktian (*burden of proof*) dalam kes sivil merujuk kepada tanggungjawab pihak yang membuat dakwaan untuk meyakinkan mahkamah melalui keterangan yang mencukupi bahawa dakwaan tersebut benar (Sinha & Dheera, 2013). OKS 2001 memperuntukkan dua bentuk beban pembuktian, iaitu beban pembuktian undang-undang (*legal burden of proof*) sebagaimana yang dinyatakan dalam Seksyen 73 OKS 2001 dan beban pembuktian keterangan (*evidential burden*) sebagaimana diperuntukkan dalam Seksyen 74 OKS 2001 (Suhaizad, 2021).

Seksyen 73 OKS, 2001 memperuntukkan bahawa:

“(1) Sesiapa yang berhasrat supaya mana-mana Mahkamah memberikan penghakiman tentang apa-apa hak atau tanggungan di sisi undang-undang yang bergantung kepada kewujudan fakta yang ditegaskan olehnya, mestilah membuktikan bahawa fakta itu wujud.

(2) Apabila seseorang terikat untuk membuktikan kewujudan apa-apa fakta, maka dikatakan bahawa beban membuktikan terletak pada orang itu."

Peruntukan ini menjelaskan bahawa beban pembuktian undang-undang merupakan kewajipan untuk membuktikan atau menafikan sesuatu fakta mengikut standard yang ditetapkan oleh undang-undang substantif (Senthilkumaran Sabapathy & Etsuko Lim, 2022). Dalam kes mal, beban pembuktian biasanya ditanggung oleh plaintif (Suhaizad, 2021). Walau bagaimanapun, dalam kes fasakh, beban pembuktian tidak semestinya diletakkan pada plaintif kerana bergantung kepada alasan fasakh yang dikemukakan oleh pihak plaintif untuk mendapatkan perintah fasakh daripada mahkamah. Sebagai contoh, plaintif menuntut perkahwinannya difasakhkan atas alasan berlaku penganiayaan oleh pihak suami di bawah Seksyen 51(1)(h) OUUKI 2001. Dalam keadaan ini, beban pembuktian terletak pada plaintif berdasarkan teori istishab (Ahmad Haji Bakar, 1976) yang menyatakan bahawa penganiayaan dianggap tidak berlaku sehingga dibuktikan sebaliknya.

Berbeza jika isteri menuntut fasakh berdasarkan Seksyen 51(1)(b) OUUKI 2001, iaitu tuntutan fasakh atas alasan kegagalan atau kecuaiannya suami menunaikan nafkah selama tempoh tiga bulan hijrah berturut-turut. Dalam keadaan ini, beban pembuktian bahawa nafkah telah ditunaikan terletak pada bahu suami selaku defendan, berdasarkan teori yang menyatakan nafkah isteri pada asalnya dianggap tidak ditunaikan sehingga dibuktikan sebaliknya (Salleh Ismail, 2003). Dalam kes mal, beban pembuktian undang-undang ini juga dipikul oleh pihak defendan apabila membuat pembelaan dengan membantah anggapan undang-undang (*rebutting a statutory presumption*), membuktikan pembelaan statutori (*proving a statutory defence*) atau pengecualian tanggungjawab (*exception to liability*) (Senthilkumaran Sabapathy & Etsuko Lim, 2022). Sebagai contoh, apabila suami membuat pembelaan bahawa beliau tidak berada di tempat kejadian yang didakwa berlaku perbuatan penganiayaan oleh isteri, pembuktian tersebut perlu dilakukan olehnya (Seksyen 75, OKS 2001). Beban pembuktian undang-undang ini, sama ada di pihak plaintif atau defendan, tetap terletak pada pihak yang ditetapkan dan tidak berubah (*shifting*) antara pihak-pihak (Senthilkumaran Sabapathy & Etsuko Lim, 2022).

Seksyen 74 OKS 2001 pula memperuntukkan:

"Seksyen 74 OKS 2001 pula memperuntukkan: "Beban membuktikan dalam sesuatu guaman atau prosiding terletak pada orang yang akan gagal tiada apa-apa keterangan langsung diberikan oleh mana-mana pihak".

Peruntukan ini membawa maksud bahawa beban pembuktian keterangan bukan kewajipan undang-undang yang bersifat substantif. Beban tersebut lebih tepat difahami sebagai strategi atau keperluan taktikal untuk mengemukakan bukti bagi mengelakkan keputusan yang merugikan (*adverse decision*) terhadap sesuatu isu atau fakta oleh penguji fakta (Senthilkumaran Sabapathy & Etsuko Lim, 2022). Misalnya, dalam tuntutan fasakh atas alasan suami gagal menunaikan nafkah, setelah beban pembuktian undang-undang diletakkan kepada suami, maka suami akan memikul beban pembuktian keterangan untuk mengemukakan keterangan yang mencukupi jika ingin menegaskan bahawa nafkah telah ditunaikan. Kegagalan suami mengemukakan sebarang keterangan atau mengemukakan keterangan yang tidak mencukupi akan menyebabkan keputusan mahkamah tidak berpihak kepadanya (Seksyen 74, OKS 2001). Sebaliknya, jika suami berjaya mengemukakan keterangan yang diperlukan, beban pembuktian keterangan akan berpindah kepada isteri untuk mematahkan kes suami. Beban pembuktian keterangan ini tidak semestinya dilakukan dengan mengemukakan keterangan baharu, bahkan dalam sesetengah kes memadai dengan pemeriksaan balas (*cross-examining*) atau mencabar kredibiliti saksi (*discrediting witnesses*) (Senthilkumaran Sabapathy & Etsuko Lim, 2022).

Menurut perbincangan fuqaha, beban pembuktian merupakan perkara yang sukar ditentukan dalam sesuatu kes mal. Hal ini dikatakan demikian kerana, beban pembuktian dalam kes mal tidak semestinya dipikul oleh plaintif, tetapi bergantung kepada fakta persoalan sesuatu kes. Pihak yang dibebani untuk mengemukakan keterangan disebut sebagai *al-mudda'ii*, manakala pihak yang satu lagi disebut sebagai *al-mudda'a 'alaih*. Seperti dinyatakan oleh Abdul Karim Zaidan (1989), terdapat beberapa perbezaan antara *al-mudda'ii* dan *al-mudda'a 'alaih* yang kadangkala terlalu kecil, tersembunyi serta tidak jelas apabila dilihat sepintas lalu. Hal ini kerana tidak semestinya setiap orang yang menuntut sesuatu hak (plaintif) dinamakan *al-mudda'ii*, begitu juga tidak semestinya setiap yang kena tuntutan (defendan) dinamakan *al-mudda'a 'alaih*.

Para fuqaha telah memasukkan sebahagian syarat tertentu dalam menentukan perbezaan antara keduanya. Dalam kes mal, penentuannya berdasarkan teori *istishhāb* (Nadya Rahma Isnaini, 2021). Perbincangan fuqaha berkaitan beban pembuktian ini telah diimplementasikan dalam OKS 2001, di bawah Seksyen 72 yang memperuntukkan: “Beban untuk mengemukakan keterangan dalam sesuatu kes mal terletak pada orang yang mengatakan atau menegaskan sesuatu fakta (*al-mudda'ii*) dan orang yang mengangkat sumpah untuk menafikan atau mempertikaikan sesuatu fakta (*al-Mudda'a 'alaih*)”.

Sewajarnya hakim syarie mengulas beban pembuktian ketika menghuraikan fakta, persoalan atau isu dalam sesuatu kes. Hal ini penting untuk menunjukkan bahawa beliau waspada agar tidak tersilap meletakkan beban pembuktian serta cermat dalam menentukannya.

Darjah Pembuktian

Darjah pembuktian (*standard/quantum of proof*) merujuk kepada tahap keterangan yang perlu dikemukakan oleh pihak yang membuat pernyataan atau dakwaan terhadap sesuatu perkara yang menjadi pertikaian dalam kes di mahkamah (Ruzman & Mohd Istajib, 2011). Untuk membuktikan pernyataan atau dakwaan tersebut, OKS 2001 melalui Seksyen 3 memperuntukkan empat jenis keterangan iaitu *bayyinah*, *syahadah*, keterangan lisan dan keterangan dokumentar. Empat jenis keterangan yang diperuntukkan dalam Seksyen 3 ordinan tersebut kemudiannya diperincikan kepada beberapa bentuk pembuktian, iaitu *iqrar* (Seksyen 45, OKS 2001), saksi (Bahagian III, Bab 2, OKS 2001), dokumentar (Bahagian II, Bab 3, OKS 2001), pendapat pakar (Seksyen 33, OKS 2001), *qarinah* (Bahagian I, Bab 2, OKS 2001) dan sumpah (Seksyen 72, OKS 2001). Semua jenis keterangan ini memberikan darjah pembuktian kepada salah satu daripada tiga tahap menurut syarak, iaitu yakin, *al-ẓann al-ghālib* dan *al-ẓann* (Ruzman, 2007).

Dalam perundangan Islam, tahap pembuktian terbahagi kepada tiga hierarki utama. Pertama ialah yakin (kepastian penuh, 100%) yang diperlukan dalam kes hudud dan qisas, serta dicapai melalui bukti seperti pengakuan dan keterangan saksi yang adil (Suhaizad et al., 2019). Kedua ialah *al-ẓann al-ghālib* (sangkaan hampir pasti, 90–99%) yang diterima dalam kes takzir atau kes keluarga tertentu apabila bukti hampir kepada kepastian (Mahmud Saedon, 1991; al-Zuhaylī, 2005). Ketiga ialah *al-ẓann* (sangkaan kuat, 51–89%) yang menjadi tahap minimum dalam kes mal termasuk kes fasakh, dengan bersandarkan *prinsip balance of probability*. Sebaliknya, tahap *syak* dan *wahm* tidak mencukupi untuk mensabitkan sesuatu dakwaan (al-Zuhaylī, 2005; Mahmud Saedon, 1991; Ruzman & Mohd Istajib, 2011).

Kes fasakh termasuk dalam kes kekeluargaan (ahwal al-sakhsiah). Darjah pembuktiannya berada di bawah kategori kes mal. Menurut Ruzman & Mohd Istajib (2011), tahap minimum dalam kes mal ialah pada tahap *al-ẓann* atau pertimbangan kemungkinan, iaitu sangkaan kuat atau *balance of probability*.

Justeru, hakim syarie perlu mengulas darjah pembuktian selepas menentukan beban pembuktian sesuatu isu atau fakta dalam persoalan kes. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan hakim meletakkan darjah pembuktian yang terlalu tinggi sehingga membebankan pihak berkenaan tanpa keperluan.

ANALISIS ALASAN PENGHAKIMAN

Analisis terhadap alasan penghakiman kes fasakh yang menumpukan kepada tiga aspek, iaitu penentuan fakta, beban pembuktian dan darjah pembuktian, telah menghasilkan lapan tema. Lapan tema tersebut iaitu “Fakta Kes” tidak menyatakan alasan fasakh yang digunakan oleh plaintif secara terperinci, fakta persoalan atau isu kes tidak dijadikan subtajud, alasan tuntutan yang ditolak tidak dinyatakan dalam “Perintah”, tarikh bermulanya kegagalan atau kecuaiannya penunaian nafkah plaintif tidak ditentukan, keperluan perbicaraan selepas beban pembuktian diletakkan pada defendan, ulasan tentang darjah pembuktian yang diperlukan, ulasan tentang keterangan saksi-saksi dan jenis keterangan yang mensabitkan kes.

“Fakta Kes” Tidak menyatakan Alasan Fasakh yang digunakan oleh Plaintif secara Terperinci

Alasan penghakiman kes *Noor Azizan binti Bokhari lwn. Shahrul Rizaal bin Tajuddin* (2018), JMS, Edisi 1/2018, Jilid 1 24, kes *Fatimah binti Ahmad lwn. Abdul Latif bin Muslim* (2019), JMS, Edisi 2019, Jilid 1 124, kes *Nur Ala Amalina binti Ismail lwn. Mohamad Abid bin Mohamad* (2020), JMS, Edisi 2020, Jilid 1 104, kes *ZA lwn. HR*, (2023), Kes Mal MRSS, Kes MYY-MRS-162-0260-05/2023 (tidak dilaporkan), kes *TU@SAU lwn. MHSA*, Kes Mal MRSS, Kes LMN-MRS-162-0107-06/2023 (2023) (tidak dilaporkan), kes *NHK lwn. NHA*, Kes Mal MRSS, Kes SBW-MRS-162-0196-07/2023 (tidak dilaporkan), kes *IW lwn. MFH*, Kes Mal MRSS, Kes KCH-MRS-162-1129-07/2022 (tidak dilaporkan) dan kes *SK lwn. MHM*, Kes Mal MRSS, Kes 13005-014-0013-2019 (tidak dilaporkan) pada subtajud “Fakta Kes” tidak menyatakan alasan fasakh yang digunakan oleh plaintif secara terperinci dengan menyebut alasan fasakh dan seksyen yang digunakan. Alasan fasakh plaintif hanya dijelaskan semasa mahkamah membincangkan isu kes.

Berbeza dengan kes *Zalina binti Awi lwn. Amiruddin bin Yusof* (2020), JMS Edisi 2020, Jilid 1, hlm. 115, kes *NAH lwn. MHS@JAA*, Kes Mal MRSS, BTU-MRS-014-167-12/2020 (tidak dilaporkan) dan kes *FSZ lwn. MAR*, Kes Mal MRSS, 13005-014-0054-2019 (tidak dilaporkan), mahkamah menyatakan alasan yang digunakan oleh plaintif serta merujuk subseksyen 51 OUUKI 2001 yang dipakai.

Mahkamah dalam kes *Zalina binti Awi lwn. Amiruddin bin Yusof* turut membincangkan alasan yang dikemukakan oleh plaintif di bawah Seksyen 51(1)(l) OUUKI 2001, iaitu berlakunya konflik dengan defendan melibatkan orang ketiga serta kegagalan defendan menunaikan kewajipan solat lima waktu. Namun, kedua-dua alasan tersebut ditolak oleh mahkamah kerana tidak memenuhi kehendak seksyen berkenaan.

Analisis terhadap ketiga-tiga keadaan menunjukkan pola yang konsisten. Dalam keadaan pertama, ketiadaan alasan fasakh dalam “Fakta Kes” jelas tidak menepati kehendak AAKHSS No. 2 Tahun 2014: Garis Panduan Penulisan Teks Penghakiman, yang kemudiannya digantikan dengan Arahan Amalan No. 1 Tahun 2021. Hal ini berlaku kerana antara elemen utama yang wajib dinyatakan dalam “Fakta Kes” ialah tuntutan plaintif. Memandangkan alasan fasakh telah terkandung dalam Penyataan Tuntutan plaintif, alasan tersebut perlu dinyatakan dengan jelas dalam bahagian “Fakta Kes” pada struktur alasan penghakiman, kerana ia merupakan dakwaan (*al-da‘wā*) plaintif yang wajib diperhalusi oleh mahkamah.

Sehubungan itu, pandangan Mohd Badrol Awang (2022) yang menegaskan bahawa fakta tuntutan (*al-da'wā*) merupakan komponen penting yang perlu diberi perhatian oleh hakim dalam prosiding kehakiman adalah selaras dengan keperluan ini.

Dalam keadaan kedua dan ketiga, alasan fasakh telah dimasukkan dalam “Fakta Kes”, namun keputusan mahkamah berbeza. Dalam keadaan kedua, alasan fasakh diterima, manakala dalam keadaan ketiga, alasan yang dikemukakan ditolak kerana tidak memenuhi kehendak Seksyen 51(1)(a)–(k) OUUKI 2001, walaupun masih berpotensi dinilai di bawah Seksyen 51(1)(l) ordinan yang sama. Kedua-dua keadaan ini menegaskan kepentingan memasukkan alasan fasakh dalam “Fakta Kes” kerana ia menunjukkan kepekaan hakim syarie terhadap arahan amalan berkuat kuasa serta memastikan setiap dakwaan plaintif diteliti selaras dengan kehendak undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Fakta Persoalan/Isu Kes Tidak dijadikan Subtajuk

Analisis terhadap sebelas alasan penghakiman kes fasakh di Mahkamah Syariah Sarawak mendapati wujud ketidakseragaman dalam penetapan isu kes. Beberapa kes, termasuk *Noor Azizan binti Bokhari lwn. Shahrul Rizaal bin Tajuddin*, *Fatimah binti Ahmad lwn. Abdul Latif bin Muslim*, *Nur Ala Amalina binti Ismail lwn. Mohamad Abid bin Mohamad*, *TU@SAU lwn. MHSA*, *FSZ lwn. MAR*, *SK lwn. MHM*, dan *ZA lwn. HR*, hanya mengemukakan fakta tanpa menstrukturkannya sebagai isu undang-undang. Walaupun terdapat persoalan utama, seperti sama ada defendan gagal menunaikan nafkah atau melakukan penderaan, persoalan tersebut sepatutnya dijadikan subtajuk.

Sebaliknya, terdapat kes yang lebih sistematik yang menzahirkan isu secara jelas. Contohnya, *Zalina binti Awi lwn. Amiruddin bin Yusof*, *NAH lwn. MHS@JAA*, *NHK lwn. NHA*, dan *IW lwn. MFH* menetapkan isu utama, seperti kegagalan menunaikan nafkah atau penderaan terhadap isteri, sebagai subtajuk.

Ketidakseragaman ini memberi kesan terhadap kualiti alasan penghakiman kerana ketiadaan subtajuk boleh mengaburkan hubungan antara fakta, beban pembuktian dan darjah pembuktian yang perlu dipenuhi, sekali gus bercanggah dengan AAKHSS No. 2 Tahun 2014 dan No. 1 Tahun 2021 yang menegaskan keperluan struktur alasan penghakiman mengandungi “Fakta Kes”, “Isu Kes” dan “Keputusan”. Penemuan ini menunjukkan bahawa sebahagian hakim masih belum menepati garis panduan yang ditetapkan, sedangkan penetapan isu secara jelas amat penting untuk mengelakkan fakta atau hujah yang tidak relevan, memastikan ketelusan alasan penghakiman, serta memudahkan semakan atau rayuan di peringkat lebih tinggi, sekali gus memperkukuh prinsip keadilan dalam prosiding fasakh.

Alasan Tuntutan yang Ditolak Tidak dinyatakan dalam “Perintah”

Analisis mendapati terdapat kes yang alasan tuntutan ditolak tidak dinyatakan dalam “Perintah”. Sebagai contoh, dalam kes *Noor Azizan binti Bokhari lwn. Shahrul Rizaal bin Tajuddin* dan *Zalina binti Awi lwn. Amiruddin bin Yusof*, mahkamah tidak menzahirkan keputusannya terhadap alasan “lazim menyakiti” serta alasan lain yang dikemukakan plaintif. Ketiadaan penegasan ini menimbulkan persoalan dari sudut ketelusan kerana setiap alasan yang menjadi asas tuntutan fasakh sepatutnya diputuskan secara jelas dalam “Perintah”, sama ada diterima atau ditolak. Amalan sedemikian penting untuk memastikan keputusan penghakiman lengkap, mengelakkan kekeliruan pihak-pihak, serta memudahkan semakan atau rayuan di peringkat lebih tinggi.

Tidak Menentukan Tarikh bermulanya Kegagalan atau Kecuaian Penunaian Nafkah Plaintiff

Analisis terhadap alasan penghakiman mendapati terdapat ketidakseragaman dalam amalan mahkamah berkaitan penentuan tarikh bermulanya kegagalan atau kecuaiian menunaikan nafkah di bawah Seksyen 51(1)(b) OUUKI 2001. Dalam kes *Noor Azizan binti Bokhari lwn. Shahrul Rizaal bin Tajuddin, Nur Ala Amalina binti Ismail lwn. Mohamad Abid bin Mohamad, Zalina binti Awi lwn. Amiruddin bin Yusof, ZA lwn. HR, TU@SAU lwn. MHSA dan SK lwn. MHM*, mahkamah tidak menetapkan tarikh jelas bagi kegagalan suami menunaikan nafkah. Ketiadaan penetapan tarikh tersebut menimbulkan persoalan tentang tahap pembuktian yang perlu dipenuhi plaintiff, kerana tarikh menjadi elemen penting dalam menentukan syarat “selama tempoh tiga” sebagaimana diperuntukkan Seksyen 51(1)(b) OUUKI 2001. Kekaburan ini berpotensi menimbulkan ketidakpastian dalam menentukan sama ada beban pembuktian telah dipenuhi atau sebaliknya.

Sebaliknya, dalam beberapa kes lain seperti *Fatimah binti Ahmad lwn. Abdul Latif bin Muslim, Zalina binti Awi lwn. Amiruddin bin Yusof, NHK lwn. NHA dan FSZ lwn. MAR*, mahkamah telah membincangkan isu berkaitan tarikh bermulanya kegagalan nafkah. Perkara ini menunjukkan terdapat kesedaran bahawa penentuan tarikh merupakan asas kepada pensabitan alasan fasakh mengikut peruntukan tersebut.

Keadaan ini memperlihatkan dua implikasi penting. Pertama, apabila tarikh tidak disebut secara eksplisit, sabitan alasan fasakh berisiko diputuskan berdasarkan sangkaan tanpa mencapai tahap pembuktian *al-zann* yang dikehendaki dalam kes mal. Kedua, ketiadaan penentuan tarikh menimbulkan potensi percanggahan dalam penghakiman serta membuka ruang kepada rayuan. Oleh itu, penentuan tarikh seharusnya dijadikan amalan konsisten supaya alasan fasakh dapat dinilai secara tepat dan selari dengan prinsip pembuktian menurut syarak serta undang-undang.

Keperluan Perbicaraan selepas Beban Pembuktian Diletakkan pada Defendan

Dalam kes *Noor Azizan binti Bokhari lwn. Shahrul Rizaal bin Tajuddin dan Zalina binti Awi lwn. Amiruddin bin Yusof*, mahkamah telah meletakkan beban pembuktian ke atas defendan berhubung isu kegagalan menunaikan nafkah plaintiff mengikut Seksyen 51(1)(b) OUUKI 2001. Pendekatan ini selaras dengan Seksyen 72 OKS 2001, yang membolehkan plaintiff menggunakan sumpah bagi menegaskan dakwaan tanpa perlu membuktikan secara terperinci kegagalan defendan. Walau bagaimanapun, hakim syarie tidak menyebut Seksyen 72 OKS 2001 secara eksplisit dalam alasan penghakiman, sedangkan peruntukan statutori ini merupakan asas penting yang sepatutnya dijadikan rujukan rasmi bagi mengukuhkan justifikasi penghakiman.

Selain itu, analisis menunjukkan bahawa walaupun beban pembuktian diletakkan kepada defendan dalam beberapa kes lain seperti *Fatimah binti Ahmad lwn. Abdul Latif bin Muslim, Nur Ala Amalina binti Ismail lwn. Mohamad Abid bin Mohamad, ZA lwn. HR, TU@SAU lwn. MHSA, FSZ lwn. MAR dan SK lwn. MHM*, mahkamah tetap meneruskan prosiding dengan memanggil saksi plaintiff. Dari sudut perundangan, langkah ini menimbulkan persoalan mengenai kecekapan proses kehakiman. Sekiranya sumpah plaintiff sudah mencukupi di bawah Seksyen 72 OKS 2001, pemanggilan saksi tambahan dilihat membebankan pihak plaintiff serta melanjutkan prosiding tanpa keperluan. Hal ini bercanggah dengan prinsip syarak yang menekankan keadilan yang cepat (*al-‘adl as-sarī*) serta objektif *maqāsid al-sharī‘ah* dalam melindungi hak pihak-pihak tanpa menambah mudarat (Tengku Fatimah et al., 2021).

Sementara itu, dalam kes *NAH lwn. MHS@JAA*, mahkamah tidak menegaskan pihak yang menanggung beban pembuktian, walaupun terdapat ulasan ringkas dari segi hukum syarak. Begitu juga dalam kes *IW lwn. MFH*, tiada huraian lanjut diberikan. Ketiadaan penegasan beban pembuktian secara jelas dalam alasan penghakiman boleh menjejaskan kepastian undang-undang (*legal certainty*) kerana pihak-pihak tidak dapat merujuk secara tegas kepada rasional mahkamah. Keadaan ini juga bercanggah dengan AAKHSS No. 2 Tahun 2014 dan No. 1 Tahun 2021 yang menetapkan bahawa alasan penghakiman perlu menjelaskan isu kes, hujah, dan keputusan secara tersusun.

Oleh itu, analisis ini menunjukkan bahawa walaupun mahkamah secara amnya mengikuti prinsip beban pembuktian yang diperuntukkan dalam Seksyen 72 OKS, 2001, pengabaian untuk menegaskan seksyen tersebut dalam alasan penghakiman, serta kecenderungan memanggil saksi tanpa keperluan boleh membawa implikasi serius terhadap kecekapan, kepastian, dan kebolehpercayaan penghakiman.

Ulasan tentang Darjah Pembuktian yang Diperlukan

Alasan penghakiman bagi kes *Noor Azizan binti Bokhari lwn. Shahrul Rizaal bin Tajuddin* dan kes *IW lwn. MFH* menumpukan kepada isu sama ada defendan telah lazim menyakiti plaintif atau menjadikan kehidupannya menderita akibat kelakuan aniaya. Mahkamah turut mengulas tentang darjah pembuktian dan menetapkan tahap pembuktian pada *al-zann al-ghālib*. Sebaliknya, dalam kes *Zalina binti Awi lwn. Amiruddin bin Yusof*, isu yang sama diperiksa, tetapi mahkamah hanya menetapkan darjah pembuktian pada tahap *al-zann* sahaja.

Manakala dalam kes *Fatimah binti Ahmad lwn. Abdul Latif bin Muslim*, kes *Nur Ala Amalina binti Ismail lwn. Mohamad Abid bin Mohamad*, kes *ZA lwn. HR*, kes *TU@SAU lwn. MHSA*, kes *NHK lwn. NHA*, kes *FSZ lwn. MAR* dan kes *SK lwn. MHM*, mahkamah tidak mengulas mengenai darjah pembuktian yang diperlukan.

Ulasan tentang Keterangan Saksi-saksi

Dalam kes *Noor Azizan binti Bokhari lwn. Shahrul Rizaal bin Tajuddin* dan kes *Zalina binti Awi lwn. Amiruddin bin Yusof*, mahkamah berpendapat bahawa keterangan saksi untuk mensabitkan lazim menyakiti tidak mencukupi. Namun, pendapat tersebut tidak disokong dengan OKS, 2001 atau autoriti. Dalam kes *Noor Azizan binti Bokhari lwn. Shahrul Rizaal bin Tajuddin*, mahkamah menyatakan bahawa keterangan saksi pertama dan kedua tidak memadai untuk mensabitkan alasan di bawah Seksyen 51(1)(h)(i) kerana kedua-dua saksi tidak melihat sendiri kejadian penganiayaan, yakni saksi pertama hanya melihat kesan kecederaan sahaja manakala saksi kedua membantu menghantar plaintif ke hospital untuk rawatan tanpa disokong laporan doktor. Manakala dalam kes *Zalina binti Awi lwn. Amiruddin bin Yusof*, keterangan SP-1, SP-2 dan SP-3 tidak menjelaskan tingkah laku aniaya, masa berlaku kejadian dan bagaimana saksi mengetahuinya serta saksi juga tidak menyaksikan sendiri kejadian yang dikatakan berlaku. Pengkaji berpendapat bahawa jika mahkamah menyokong dapatan tersebut dengan peruntukan di bawah OKS, 2001 atau autoriti, penyokong tersebut akan memudahkan rujukan lanjut bagi kes tersebut. Misalnya, saksi yang tidak melihat sendiri fakta yang boleh diperhatikan bertentangan dengan Seksyen 47(1)(a) OKS, 2001 yang menghendaki keterangan diberi secara langsung.

Selain itu, analisis mendapati bahawa dalam kes *Fatimah binti Ahmad lwn. Abdul Latif bin Muslim*, mahkamah menyatakan berpuas hati dengan keterangan saksi-saksi plaintif yang konsisten, namun fakta-fakta yang dianggap konsisten tersebut tidak dinyatakan secara jelas. Begitu juga, tiada ulasan

yang menjelaskan bagaimana saksi-saksi mengetahui defendan tidak menunaikan nafkah plaintif, sehingga mahkamah berpuas hati bahawa nafkah plaintif tidak ditunaikan oleh defendan.

Dalam kes *Nur Ala Amalina binti Ismail lwn. Mohamad Abid bin Mohamad* dan kes *TU@SAU lwn. MHSA*, mahkamah tidak mengulas tentang keterangan saksi-saksi, walaupun perkara tersebut dinyatakan dalam subtajuk “Perintah” atau “Keputusan”.

Kes yang membincangkan secara terperinci berkaitan penerimaan saksi oleh mahkamah adalah kes *IW lwn. MFH*, pada isu sama ada defendan telah lazim menyakiti plaintif atau menjadikan kehidupannya menderita akibat kelakuan aniayanya. Mahkamah berpuas hati dengan keterangan SP1 (anak perempuan pihak-pihak) dan SP3 (abang Plaintif), yang disokong dengan keterangan dokumentar P1 hingga P3, yang saling berkaitan sehingga mencapai *al-zann al-ghālib*. SP1 menyaksikan sendiri kejadian pukulan, manakala SP3 melihat kesan lebam pada plaintif. Walau bagaimanapun, kes ini juga tidak menyokong dapatan dengan rujukan kepada OKS, 2001 dan autoriti berkaitan.

Jenis Keterangan yang Mensabitkan Kes

Dapatan menunjukkan terdapat pendekatan berbeza oleh hakim syarie dalam mensabitkan tuntutan fasakh. Dalam kes *Noor Azizan binti Bokhari lwn. Shahrul Rizaal bin Tajuddin dan Zalina binti Awi lwn. Amiruddin bin Yusof*, sabitan dibuat hanya melalui sumpah. Pendekatan ini selaras dengan Seksyen 72 OKS 2001 kerana selepas beban pembuktian dialihkan kepada defendan dan defendan gagal membuktikan fakta yang ditegaskannya, plaintif tidak lagi perlu mengemukakan saksi tambahan.

Sebaliknya, dalam kes *IW lwn. MFH*, mahkamah menggabungkan keterangan saksi keluarga bersama dokumen rasmi seperti laporan perubatan, laporan polis dan surat hospital. Pendekatan ini mencerminkan penerapan prinsip keterterimaan, kerelevanan dan kebolehharian keterangan seperti diperuntukkan dalam OKS 2001, serta membolehkan mahkamah mencapai tahap pembuktian *al-zann al-ghālib* atau sekurang-kurangnya *al-zann*.

Perbandingan ini menunjukkan bahawa kedua-dua pendekatan sah di sisi undang-undang. Namun, alasan penghakiman wajar memperincikan asas penentuan beban serta darjah pembuktian supaya justifikasi keputusan lebih jelas dan memudahkan pihak-pihak sekiranya ingin membuat rayuan.

KESIMPULAN

Kajian ini menekankan peranan penting amalan undang-undang keterangan dalam Mahkamah Syariah, terutamanya ketika menangani kes fasakh di Sarawak. Analisis terhadap alasan penghakiman kes fasakh mendapati wujud ketidakseragaman dalam beberapa aspek utama, termasuk perincian “Fakta Kes”, penetapan isu, penegasan tarikh kegagalan nafkah, ulasan beban dan darjah pembuktian, serta penghujahan berkaitan keterangan saksi dan dokumen. Ketidakselarasan ini menunjukkan bahawa penerapan OKS 2001 serta AAKHSS No. 2 Tahun 2014 dan No. 1 Tahun 2021 masih belum konsisten. Justeru, pendekatan lebih proaktif diperlukan dalam kalangan hakim syarie ketika menentukan fakta, beban, serta darjah pembuktian dalam penulisan teks alasan penghakiman. Selain itu, kekurangan rujukan eksplisit terhadap peruntukan undang-undang dan autoriti berkaitan turut melemahkan keberkesanan alasan penghakiman, terutamanya dalam kes kompleks seperti fasakh.

Adalah dicadangkan agar pihak berkuasa kehakiman di Sarawak memperkukuhkan latihan hakim-hakim syarie dalam penerapan undang-undang keterangan bagi memastikan keputusan yang lebih adil,

di samping memastikan hakim-hakim lebih selaras dengan undang-undang yang telah ditetapkan untuk meningkatkan kebolehpercayaan keputusan mereka. Ketidakkonsistenan undang-undang yang dikenal pasti dalam kajian ini menunjukkan keperluan mendesak bagi penyeragaman interpretasi dan penerapan undang-undang keterangan, langkah yang penting untuk mengelakkan percanggahan dan meningkatkan kualiti keputusan kehakiman.

Di samping itu, sistem kehakiman disarankan agar lebih telus melalui penyediaan alasan penghakiman yang lengkap, tersusun, serta disokong dengan rujukan peruntukan undang-undang dan autoriti yang relevan. Ketelusan ini penting supaya kedua-dua pihak litigasi serta masyarakat umum dapat memahami asas keputusan yang diberikan, sekali gus meningkatkan kepercayaan terhadap Mahkamah Syariah. Pelaksanaan undang-undang keterangan yang tepat bukan sahaja meningkatkan kualiti keputusan, malah turut melindungi hak dan maruah individu, khususnya wanita yang menuntut keadilan melalui fasakh.

Akhirnya, kajian ini menyumbang kepada wacana berterusan mengenai reformasi Mahkamah Syariah di Malaysia serta menyediakan asas untuk kajian lanjut yang memberi tumpuan kepada peningkatan amalan undang-undang dalam kes-kes undang-undang keluarga Islam. Penyelidikan pada masa hadapan boleh menumpukan kepada kajian perbandingan antara Mahkamah Syariah di negeri-negeri berbeza, sekali gus memberikan pandangan lebih mendalam tentang amalan terbaik dan cabaran dalam pengendalian pembuktian merentasi bidang kuasa.

PENGHARGAAN

Artikel penyelidikan ini telah dibiayai dari segi kewangan oleh Universiti Teknologi MARA dan Institut Pengajian Siswazah, UiTM. Penulis utama, yang juga berperanan sebagai corresponding author, merupakan pelajar yang dibiayai oleh Skim Hadiah Latihan dalam Perkhidmatan Kerajaan Negeri Sarawak.

RUJUKAN

- Abdul Karim Zaidan. (1989). *Nizam al-qadha fi syariah al-islamiyyah*. Maktabah al-Bashair.
- Abdul Razak, Saimi Bujang, Awang Nib & Hadenan Towpek. (2023). Perkembangan institusi Islam di Sarawak sebelum pembentukan Malaysia. *Journal of Al-Tamadun*, Vol. 18(1).
- Abdul Wahab. (1990). *Ahkam al-akhwal al-shaksiyyah*. Dar al-Qalam.
- Abū Dāwūd, S. ibn al-Ash'ath al-Sijistānī. (2009). *Sunan Abī Dāwūd*. (M. Muḥyī al-Dīn 'Abd al-Ḥamīd, Ed.). Dār al-Fikr.
- Ahmad Haji Bakar. (1976). *Perbandingan antara undang-undang Malaysia dan Islam mengenai keterangan dan acara* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya.
- Ahmad Hidayat Buang, Mohd Norhusairi, & Mohd Zaidi. (2021). Penghakiman Mahkamah Syariah Malaysia: Analisis kes-kes terpilih. *Jurnal Syariah*, 28(3), 509–534.
- al-'Aẓīmābādī, Muḥammad Ashraf al-Ṣiddīqī. (2005). *'Aun al-ma'būd 'alā sharḥ Sunan Abī Dāwūd* (Vol. 9, p. 353). Dār Ibn Ḥazm.
- al-Baghdādī, 'Abd al-Wahhāb. (2023). *al-Ma'ūnah 'alā Madhhab 'Ālim al-Madīnah "al-Imām Mālik ibn Anas"* [Disertasi doktor falsafah yang tidak diterbitkan]. Jāmi'at Umm al-Qurā.

- al-Bujayramī, Sulaimān ibn Muḥammad ibn ‘Umar. (1995). *Ḥāshiyat al-Bujayramī ‘alā al-Khaṭīb*. Dār al-Fikr.
- al-Dimyāṭī, Abī Bakr ‘Uthmān Muḥammad Shaṭa‘ al-Bakrī. (1997). *I‘ānah al-Ṭālibīn ‘alā Ḥall al-Fāz Fath al-Mu‘īn*. Dār al-Fikr li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘.
- al-Jazīrī, ‘Abd al-Raḥmān. (2003). *Al-Fiqh ‘alā al-Madhāhib al-Arba‘ah* (Edisi ke-2). Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Sharbīnī, Muḥammad ibn Aḥmad ibn al-Ḥusayn al-Khāṭib. (1997). *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma‘rifat Ma‘ānī al-Fāz al-Minhāj*. Dār al-Ma‘rifah.
- al-Sharbīnī, Muḥammad ibn Aḥmad ibn al-Ḥusayn al-Khāṭib. (2004). *Al-Iqnā‘ fī ḥall al-fāz Abī Shujā‘* (Cetakan ketiga). Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Zuhaylī, Wahbah. (2005). *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*. Dār al-Fikr.
- Awang Suhaili Ledi & Athirah Morni. (2023). Perkembangan perundangan Islam di Sarawak. *Jurnal Mahkamah Syariah, 1*, Edisi 2023.
- Bin Sumit, Muṣṭafā. (2008). *Mukhtaṣar Tuhfat al-Muḥtāj bi Sharḥ al-Minhāj* (Cetakan pertama). Markaz al-Nūr li al-Dirāsāt wa al-Abḥāth.
- Cousin, G. (2005). Case study research. *Journal of Geography in Higher Education*, 29(3), 421–427.
- Harith Sulayman al-Faruqī. (1995). *Al-Mu‘jam al-Qanuni*. Maktabah Lubnan.
- Ibn ‘Abd al-Salām, Abu Muhammad ‘Izz al-Dīn ‘Abd al-‘Azīz al-Dimashqī. (2016). *al-Ghāyah fī Ikhtisār al-Nihāyah* (Disunting oleh Iyād Khālīd al-Ṭabbā‘) (Jilid 5). Dār al-Nawādīr.
- Ibn ‘Ābidīn, Muḥammad Amīn. (1966). *Ḥāshiyat Radd al-Muḥtār ‘alā al-Durr al-Mukhtār: Sharḥ Tanwīr al-Abṣār* (Cetakan kedua, Jilid 3). Sharikat Maktabah wa Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlāduhu.
- Ibn Manzur, (1994). *Lisan al-Arab* (Jld 8, cetakan ketiga). Dar al-Sadir.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (1995). *al-Ṭuruq al-Ḥukmiyyah fī Siyāsah al-Syar‘iyyah*. Mu‘assasat al-‘Arabiyyah.
- Ibn Qudāmah, ‘Abd Allāh ibn Aḥmad ibn Muḥammad. (1997). *al-Mughnī* (Cetakan ketiga, Jilid 11). Riyād: Dār ‘Ālam al-Kutub li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘.
- Ibn. Farios, (1969). *Mu‘jam al-Maqayus al-Lughat* (Jil. 1). Maktabah al-Babi al-Halabi.
- Ibnu Hazmi, (1932). *al-Muhalla* (Jil. 9). Dar al-Thibaah al-Muniriyyah.
- Mahmud Saedon, A. (1991). *Undang-undang keterangan Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Md Zawawi, & Wan Ab. Rahman. (2008). Hak suami isteri dalam perkahwinan Islam: Analisis menurut fiqh. *REKAYASA – Journal of Ethics, Legal and Governance*, 4, 35–52.
- Mohd Badrol Awang. (2022). Kepentingan memahami fakta kes dalam prosiding kehakiman: Analisis dari perspektif kehakiman Islam. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 34(2), 201-224.
- Mohd Nadzri Abdul Rahaman Ibrahim. (2020). *Pemakaian arahan amalan di Mahkamah Syariah*. Anaasa Publication.
- Mohd Sabree Nasri & Ruzman Md Noor. (2022). Kerelevanan fakta menurut undang-undang keterangan di Mahkamah Syariah. *Journal of Law & Governance*, 4(1), 101-110.
- Mohd Saleh Ahmad. (2012). *Perkahwinan dan perceraian dalam Islam*. Pustaka Haji Abdul Majid Sdn. Bhd.
- Mohd Zaidi. (2019). *Pemakaian undang-undang tatacara mal dalam prosiding tuntutan fasakh di Mahkamah Syariah Malaysia* [Disertasi doktor falsafah yang tidak diterbitkan]. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi. (n.d). *Kamus Idris Al-Marbawi: Arab - Melayu*. Pustaka Nasional.
- Nadya Rahma Isnaini. (2021). Istishab : Sebuah sumber hukum Islam dan penerapan dalam aktivitas riil ekonomi. *Al-Ittifaq: Jurnal Ekonomi Syariah, 1*(2), 64-76.

- Najihah Abdul Mutalib & Ismar Liza Mahani Ismail. (2020). Persepsi masyarakat tentang peranan ulama silam terhadap perkembangan Islam di Sarawak: Kajian di Bahagian Bintulu. *Journal of Human Capital Development*, 13(2), 21-36.
- Nik Nur Farahin. (2019). *Kebolehterimaan sumpah (al-Yamīn) sebagai keterangan: Analisis terhadap peruntukan undang-undang dan kes di Mahkamah Syariah Shah Alam, Selangor* [Unpublished master's thesis]. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Nurhidayah Muhammad Hashimi, & Zuliza Mohd Kusri. (2023). Nafkah isteri dalam perkahwinan: Sorotan pandangan fuqaha terdahulu. *Al-Qanātir: International Journal of Islamic Studies*, 31(2), 45-53.
- Raihanah Abdullah, (2009). Penangguhan kes di Mahkamah Syariah: Cabaran dan penyelesaian. *Jurnal Syariah*, 17(1), 1-30.
- Raihanah Abdullah. (1997). Alasan membubarkan perkahwinan melalui fasakh. *Jurnal Syariah*, 5(1), 1-16.
- Ramalinggam Rajamanickam, Nur Ansyirah Mohamad Noh & Anita Harun. (2022). Kebolehterimaan keterangan elektronik di Malaysia (Admissibility of electronic evidence in Malaysia). *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, 31, 338-355.
- Ruzman Md. Noor & Mohd Istajib Mokhtar. (2011). "Ulasan kes dari aspek pembuktian: Rosmah binti Suly & seorang yang lain lwn Ismail bin Mohamad & seorang yang lain," *Kanun: Jurnal Undang-Undang*, 26(1), 130-146.
- Ruzman Md. Noor. (2007). Pembuktian dalam kes harta sepencarian di Mahkamah Syariah di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 15(1), 29-41.
- Salleh Ismail. (2003). *Pembubaran perkahwinan mengikut fiqh dan undang-undang keluarga Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Senthilkumaran Sabapathy & Etsuko Lim. (2022). The shifting of the evidential burden in criminal trials. *Singapore Academy of Law Journal, SAL Prac.*, 18.
- Sha' bān, Zakī al-Dīn. (1993). *al-Aḥkām al-Shar'īyyah li-Aḥwāl al-Shakhṣiyyah*. Jāmi'at Qān Yūnus.
- Sinha & Dheera. (2013). *Legal dictionary*. International Law Book Service.
- Stephen, J. F. (1936). *A digest of the law of evidence*. Macmillan.
- Suffian Mansor & Awang Azman Awang Pawi. (2019). Peradaban Melayu Sarawak dalam konteks Nusantara. *Jurnal Melayu Sedunia*, 2(1), 278-305.
- Suhaizad Saifuddin, Ruzian Markom & Mohd. Munzil Muhamad. (2019). Kaedah pembuktian dalam undang-undang keterangan Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil di Malaysia: Suatu kajian perbandingan. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 31(1), 1-34.
- Suhaizad Saifuddin. (2021). Peruntukan beban pembuktian di bawah Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah: Satu penilaian. *Jurnal Undang-Undang Masyarakat*, 28(2), 78-91.
- Tengku Fatimah Muliana Tengku Muda, Azizah Mohd, & Noraini Md. Hashim. (2021). Hak isteri terhadap fasakh menghilangkan kemudharatan dalam perkahwinan. In Normadiyah Daud, Syh Noorul Madiah Syed Husin, & Tengku Fatimah Muliana Tengku Muda (Eds.), *Fiqah kekeluargaan Islam isu terpilih* (hlm. 42–45). Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Wan Azimin Wan Adnan, Ahmad Hidayat Buang & Zubaidi Sulaiman. (2022). Pemerkasaan pelaksanaan sulh dalam kes-kes hartanah melalui pemakaian arahan amalan di Mahkamah Syariah di Malaysia. *UUM Journal of Legal Studies*, 13(2), 345-371. <https://doi.org/10.32890/uumjls2022.13.2.14>
- Wan Arfah Hamzah. (2009). *A first look at the Malaysia legal system*. Oxford Fajar.
- Wan Kamal Mujani & Noranizah Yusuf. (2010). Islam dan missionari di Sarawak: Kesan terhadap pendidikan pada zaman Crown Colony, 1841-1941. *SOSIOHUMANIKA*, 3(2), 219-242.
- Zarina Abdullah. (2023, November 11). Kos fail perceraian tinggi. *Suara Sarawak*. <https://suarasarawak.my/kos-fail-perceraian-tinggi/>

Zubaidi Sulaiman & Ahmad Hidayat Buang. (2021). Keabsahan dan pemakaian arahan amalan dalam pentadbiran kehakiman dari perspektif Undang-Undang Syariah dan Sivil: Suatu perbandingan. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 33(1), 29-50.